



EON Inspirasi
Edisi Dr. Nor'aishah Abu Shah

Rahsia Lebah
Sains vs Alquran

Warisan Semulajadi Geologi
Hubungan dengan Flora dan Fauna

Basic Navigation in Forest
Tips and tricks

ISSN 2773-5869



9 772773 586005

EON Inspirasi

EDISI DR. NOR'AISHAH ABU SHAH

Oleh

Dr. Ilyanie Hj. Yaacob

Pusat Pengajian Biologi, UiTM Cawangan
Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah, Pekan
Parit Tinggi, 72000 Kuala Pilah, Negeri
Sembilan

yanie_yaacob@uitm.edu.my

EDITOR: NURSYAZNI ABDUL RAHIM

Ruangan EON Inspirasi Edisi ke 9 membawa penampilan istimewa figura yang menjadi antara pelopor ketika pembukaan UiTM Cawangan Negeri Sembilan, iaitu Dr Nor'aishah Abu Shah.

Beliau turut merupakan mantan Ketua Pusat Pengajian Biologi, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah untuk beberapa sesi, sehingga yang terkini pada tahun 2018.

Dr Nor'aishah Abu Shah dilahirkan pada 10 Disember 1966. Sebaik tamat Sijil Pelajaran Malaysia 17 tahun selepas itu, beliau terus melangkah melanjutkan pengajian di Universiti Malaya dalam bidang Sarjana Muda Sains dengan pengkhususan Botani. Minat beliau yang mendalam untuk menceburi bidang kultur tisu yang tercetus semasa projek tahun akhir ketika itu telah mendorong beliau untuk menyambung lagi pelajaran ke peringkat Sarjana pula di universiti yang sama.

Alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan! Semasa di fasa akhir pengajian Sarjana, Dr Nor'aishah telah mencuba nasib untuk memohon jawatan di Institut Teknologi MARA (ITM). Ternyata rezeki telah tertulis untuk beliau memulakan kerjaya di UiTM Jengka sekitar tahun 1997. Dr Nor'aishah kemudiannya bertukar ke UiTM Kuala Pilah setelah menjadi anak dagang dan menabur bakti selama 2 tahun di Jengka. Beliau adalah antara kumpulan kakitangan pertama yang terlibat dalam pembukaan kampus yang bertempat di Melang, Kuala Pilah, ketika itu. Malahan, beliau merupakan pensyarah biologi pertama bagi kampus ini dan terlibat secara langsung dalam proses pembangunan makmal.

Benih yang baik kalau dicampak ke darat menjadi gunung dan jika dicampak ke laut menjadi pulau.

Lantaran kebijaksanaan dan wibawanya figura ini, Dr. Nor'aishah bertuah kerana diberi peluang untuk menamakan beberapa bangunan di kampus Kuala Pilah ini. Antaranya Anjung Perpatih yang kini merupakan tempat aktiviti dan kegiatan para pelajar. Selain itu, Jalan Nukleus, yang merupakan jalan utama untuk ke bangunan pentadbiran UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah juga adalah hasil buah fikiran beliau.

Setelah beberapa tahun berkhidmat, Dr. Nor'aishah menyambung pelajaran di peringkat Doktor Falsafah di Fakulti Bioteknologi, Universiti Putra Malaysia dalam bidang yang sama, iaitu kultur tisu. Cabaran dan dugaan ketika menyambung pelajaran dilalui dengan tabah dan beliau akhirnya berjaya menamatkan pengajiannya dan bergraduasi pada tahun 2013. Bara yang digenggam, biar sampai jadi arang, itulah falsafah yang dipegang teguh oleh Dr Nor'aishah seterusnya mendorong beliau untuk mencapai cita-citanya.



Gambar 1: Seminar Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Simpan Sg Menyala – Bersama tokoh biodiversiti Prof Emeritus Dato’ Dr. Abdul Latiff Mohamad dan rakan penyelidik.

Apabila ditanya oleh penulis bagaimana Dr. Nor’aishah memupuk minat dalam bidang penyelidikan berkaitan hutan, beliau menjelaskan bahawa minat itu teretus sejak pengajian di peringkat prasiswazah lagi. Ketika itu, salah satu kod kursus wajib yang diambil memerlukan beliau untuk menyertai kerja lapangan dan membuat pengumpulan sampel tumbuhan di Cameron Highland. Pengalaman dan suasana yang dirasai sepanjang kerja lapangan tersebut membuatkan beliau mula jatuh cinta dengan aktiviti hutan. Mana tidaknya, beliau berpeluang untuk melihat kepelbagaian flora dan fauna yang sukar untuk ditemui di tempat lain dengan mata sendiri. Selepas pertama kali menyertai kerja lapangan, beliau terus melibatkan diri dengan pelbagai ekspedisi lain, antaranya ekspedisi ke Maliau Basin Conservation Centre yang terletak di Sabah, ekspedisi ke Kuala Keniam, Pahang serta Gunung Ledang, Johor. Kebanyakan aktiviti penyelidikan yang dibuat merupakan eksplorasi dan pengenalpastian biodiversiti kulit.

Pelbagai kenangan manis yang terpahat di memori Dr. Nor’aishah selama beliau menyertai ekspedisi-ekspedisi tersebut. Antara yang paling menarik adalah apabila beliau berjaya menemukan spesies baru dan yang sukar dijumpai, contohnya orkid harimau dan *stinghorn fungi*.




Gambar 2: Pembentangan hasil dapatan dari Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan Simpan Sg Menyala Port Dickson anjuran Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan.


Minat yang mendalam terhadap kepelbagaian biodiversiti ini juga menyebabkan beliau mempunyai koleksi peribadi serangga dan cangkerang laut yang disimpan rapi di pejabat serta di rumah.



Gambar 3: Hasil pengumpulan sampel kulat semasa ekspedisi Kuala Keniam - bridal veil stinkhorn *Phallus spp.*




Gambar 6: Bertemu dengan reptilia adalah antara cabaran yang perlu ditempuh semasa ekspedisi.



Gambar 4: Antara ekspedisi yang pernah disertai oleh Dr Nor'Aishah.

Hujan panas permainan hari, senang susah permainan hidup. Sepanjang terlibat dalam aktiviti hutan, ada juga beberapa peristiwa yang memberi pengalaman bermakna dalam hidup Dr. Nor'aishah. Terserempak dengan ular, babi hutan dan digigit lintah merupakan antara perkara biasa beliau lalui. Beliau juga pernah tergelincir akibat laluan yang licin ketika berada di hutan, namun sempat menyelamatkan diri dengan berpaut pada pokok rotan sebelum jatuh ke tanah.



Gambar 5: Koleksi peribadi cangkerang laut.

Pada pandangan Dr. Nor'aishah, hutan merupakan khazanah negara lantaran terdapat terlalu banyak sumber yang boleh diaplikasikan dalam pelbagai bidang seperti perubatan dan pertanian. Selain itu, hutan juga boleh menjadi rujukan utama dalam mencari genetik liar bagi sesuatu pokok yang mungkin boleh membantu pertumbuhan spesies yang sama yang diusahakan secara ladang. Oleh itu, bidang taksonomi menjadi antara salah satu bidang yang penting untuk memastikan Malaysia tidak ketandusan pakar dalam pengenalpastian asas flora dan fauna, sebelum disahkan melalui teknik yang lebih maju seperti *molecular identification*.

Akhir kata, Dr Nor'aishah sempat menitipkan pesan agar lebih ramai saintis berminat untuk melibatkan diri dalam penyelidikan berkaitan hutan. Hal ini kerana Malaysia juga mengalami masalah biodiversiti hutan yang semakin pupus, contohnya Harimau Malaya dan pokok gaharu. Maka, kesedaran tentang kepentingan hutan yang agak rendah perlulah dipupuk agar kita sebagai rakyat Malaysia tidak kehilangan khazanah yang bernilai ini. Kerjasama antara pelbagai bidang dan agensi juga dapat membantu untuk meningkatkan lagi kesedaran tersebut. Semoga Dr Nor'aishah terus kekal bersemangat dalam mendidik anak bangsa untuk menjadi lebih cemerlang! 10